

DATE: 17/12/2009

# Perselisihan isu remeh renggangkan umat Islam

Dr Mahathir seru diketepi perbezaan, perkukuh umat

BH - 17/12/2009

Oleh Mohd Anwar  
Patho Rohman  
wananwar@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata perselisihan pendapat antara umat Islam dalam isu membabitkan fahaman tidak akan membantu menyatukan umat.

Bekas Perdana Menteri berkata, umat Islam tanpa mengira fahaman dan pegangan perlu berusaha mengetepikan perbezaan yang wujud antara mereka.

"Pertelingkahan umat Islam dalam perkara kecil seperti menganggap mereka yang berfahaman Wahabi terkeluar dari ajaran Islam adalah sesuatu yang tidak kondusif.

"Kita seharusnya mengetepikan segala perbezaan yang wujud, sebaliknya perlu berusaha mengenali antara satu sama lain dan bersatu bagi mengukuhkan umat," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan sesi perbincangan bertajuk *Adakah Perlu Pergerakan Alternatif Dalam Pertubuhan Awam* sempena Konvensyen Perpaduan Islam, semalam.

Konvensyen dua hari berakhir semalam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) anjuran Yayasan Ramadhan



DR MAHATHIR mendengar sesuatu daripada Muhammad (kanan) sambil diperhati ahli panel perbincangan dari kiri Dr Robert Farook, Dr Abdur Rahman dan Dr Shaykh Abdullah di PWTC, semalam.

membincangkan topik berkaitan perpaduan di kalangan umat dan negara Islam serta jalan mencapainya.

Hadir sama pada sesi perbincangan itu ialah Pengerusi Yayasan Ramadhan United Kingdom, Muhammad Umar; bekas Menteri Keadilan Mauritania, Dr Shaykh Abdullah Bayyah dan ulama Iraq, Sayid Hassan Al-Qazwani.

Pengasas Islam Today Network & Islamic Scholar, Shaykh Salma Al-Oudah; bekas Penasihat Presiden Richard

Nixon, Dr Robert Farook Dickson Crane dan Ulama Kanan Kementerian Hal Ehwal Islam dan Awqaf, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Dr Abdur Rahman Al Jarrar.

Sementara itu, ketika sesi soal jawab perbincangan itu, Dr Mahathir berkata, tiada keperluan menukar nama Pertubuhan Islam Sedunia (OIC) atau menubuhkan pertubuhan yang seumpamanya jika gagal berperanan membangunkan Islam dan umatnya.

"Tukar nama tetapi tidak

menukar karekter tidak akan membawa sebarang makna. Namun, nama OIC begitu unik kerana masyarakat beranggapan ia pertubuhan yang hanya tahu mengadakan persidangan tetapi tidak melakukan apa-apa tindakan," katanya.

Dalam pada itu, Sayid Hassan berkata, umat Islam perlu berdialog sesama sendiri bagi membincangkan pelbagai masalah yang melanda mereka sebelum berdialog dengan penganut agama lain.